

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pendirian berkenaan dengan permohonan Persatuan Pemandu Limosine Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu untuk diberi kebenaran menggunakan aplikasi e-Hailing, memandangkan pendapatan mereka terjejas akibat aktiviti Grab di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tiada halangan dan menyokong permintaan Persatuan Teksi Lapangan Terbang Limosin Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) untuk menggunakan platform e-hailing sebagai alternatif dalam operasi mereka. Untuk makluman, perkara ini telah dimaklumkan oleh LPKP Sabah kepada pihak persatuan melalui beberapa siri pertemuan dengan pihak persatuan sejak tahun 2018 lagi. Pihak persatuan juga tidak dihalang mewujudkan e-hailing sendiri atau menyertai mana-mana platform e-hailing sedia ada.

2. Ini kerana sekiranya pihak persatuan menyertai platform e-hailing, ianya bukan sahaja dapat menambah pendapatan kerana saiz pasaran yang lebih luas malah dapat bersaing dengan operasi kenderaan e-hailing sedia ada. Oleh itu, semua kelas lesen teksi di Negeri Sabah disarankan untuk menyertai platform e-hailing sebagai operasi alternatif kelas lesen ini memandangkan pengguna lebih gemar menggunakan perkhidmatan e-hailing.

Sekian, terima kasih.